

10 FEB 2003

Kampung-Moden (Bergambar)

KEDAH NEGERI PERTAMA LAKSANA PROJEK PERKAMPUNGAN MODEN

Oleh: Ruzita Latif

JITRA, 10 Feb (Bernama) -- Kedah boleh dianggap negeri pertama yang melaksanakan projek perkampungan moden iaitu kawasan perumahan ala-kampung yang berkonsepkan rumah kampung Melayu.

Projek itu terletak di Mukim Binjal dekat Kubang Pasu.

Projek perumahan itu yang dikenali sebagai Perkampungan Moden Paya Pahlawan dibangunkan oleh Pedoman Semarak Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Putrajaya Holdings Sdn Bhd.

Pengurus Unit Sekretariat Pedoman Semarak, Mohamed Hatar Ismail berkata, projek perkampungan itu yang mengandungi 161 unit rumah kini 25 peratus siap dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Ogos depan.

Projek itu menyediakan tiga bentuk rumah sebuah dua tingkat dengan tiga bilik, seluas 730 kaki persegi di kawasan tanah seluas 32 hektar, katanya ketika ditemui Bernama di sini.

Mohamed Hatar berkata, projek tersebut merupakan ilham Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan keistimewaannya ialah hanya penduduk di sekitar Mukim Binjal dan Kubang Pasu yang berpendapatan bawah RM2,000 sebulan berpeluang memiliki rumah tersebut.

Beliau berkata, projek projek perumahan itu mempunyai kemudahan prasarna yang lengkap seperti dewan serbaguna, masjid, balai polis, pejabat pos, taska, pasar dan pejabat penghulu mukim.

Pedoman Semarak juga menyediakan tanah seluas 0.8 hektar untuk pembangunan industri kampung di situ di masa depan, katanya.

Menurut beliau, projek industri kampung berkenaan merupakan salah satu daripada usaha kerajaan untuk menaikkan taraf penduduk kampung di sekitar kawasan berkenaan.

"Satu Industri Satu Kampung merupakan langkah kerajaan untuk membantu penduduk kampung menambahkan pendapatan harian mereka," ujar beliau.

Namun beliau berkata, jenis industri kampung yang akan diusahakan itu belum ditentukan lagi.

Ketika ditanya sama ada Pedoman Semarak akan menjalankan projek yang sama di negeri lain, Mohamed Hatar berkata, perkara itu sedang dalam perhatian pihak kerajaan.

Katanya, banyak kriteria yang perlu diambil kira untuk melaksanakan projek perumahan seperti kampung tradisi atau perkampungan moden, termasuk keluasan tanahnya.

Sebagai contoh projek Kampung Tradisi di Mukim Temin dan projek Perkampungan Moden Paya Pahlawan di Mukim Binjal masing-masing memerlukan tanah seluas 36 hektar dan 32 hektar, kata beliau.

Menurutnya, kedua-dua tapak projek itu merupakan tanah milik kerajaan yang diserahkan buat sementara kepada pemaju untuk memajukannya.

Mengenai faedah jangka panjang, Mohamed Hatar berkata, kerajaan ingin melihat projek perkampungan moden di Mukim Binjal itu sebagai titik permulaan perkembangan pekan atau pusat bandar di masa akan datang.

Projek Perkampungan Moden Paya Pahlawan turut dilihat sebagai satu projek pembangunan yang unik dan berpotensi untuk menjadi daya tarikan pelancong dari dalam dan luar negara, katanya.

Mohamed Hatar juga berharap projek itu akan menjadi kayu pengukur atau contoh kepada pemaju lain untuk membangunkan kampung-kampung lain.

Katanya, Dr Mahathir sendiri dijangka akan menyerahkan kunci kepada para pembeli rumah projek itu awal September tahun ini.

Menurut beliau, harga purata bagi seunit rumah itu ialah RM40,000 dan

pembeli yang ingin memilikinya hendaklah bertaraf Bumiputera, berumur 28 tahun ke atas, penghuni dan alamat kediaman di daerah Kubang Pasu serta pembeli tidak dibenarkan menyewakan kediaman mereka kepada orang lain.

Dr Mahathir dijangka akan melawat tapak projek Perkampungan Moden Paya Pahlawan di Mukim Binjal itu esok.

-- BERNAMA

RSL JM HM